



ANTARA rumah yang terbabat dengan banjir kilat, semalam.



MANGSA banjir, Hamidah Sulaiman mendukung bayinya meredah air.

Siti Fatimah Mohamed Anwar  
dan Zulfa Mohamad  
am@hmetro.com.my

# Ramadan berair

Butterworth

**K**etika umat Islam sibuk membuat persiapan menyambut kedatangan Ramadan, 10 keluarga di Kampung Manis di Prai, di sini, terpaksa melepaskan kegembiraan itu selepas rumah mereka dinaiki air berikutan air pasang besar sejak kelmarin.

Penduduk, Rohani Kader Ghani, 47, berkata, dia sekeluarga terpaksa menyambut Ramadan dalam keadaan serba kekurangan selepas rumahnya yang terletak berdekatan Sungai Prai dinaiki air setinggi setengah meter sejak tengah hari, semalam.

"Kami berhadapan masalah ini sejak 30 tahun lalu, namun keadaan semakin meruncing kebelakangan ini dengan sekurang-kurangnya tiga kejadian banjir berlaku setiap bulan terutama ketika air pasang besar.

## Rumah 10 keluarga digenangi banjir akibat air pasang besar

"Perkara ini pernah diadakan kepada wakil rakyat, namun sehingga kini tiada jalan penyelesaian diambil dan kami merayu pihak berwajib termasuk Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP) mengambil tindakan segera," katanya ketika ditemui di rumahnya, semalam.

Rohani berkata, setiap kali air pasang besar berlaku, rumahnya dinaiki air setinggi 0.5 meter dan ia mengambil masa sekurang-kurangnya lima hari untuk surut.

"Bayangkan kalau sebulan tiga kali banjir, bermakna hampir 15 hari kami duduk di dalam air. Keadaan semakin parah apabila musim hujan dan kita percaya projek pembinaan di kawasan laut yang giat dijalankan ketika ini terus memburukkan kea-

daan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Belia 4B kampung itu, Mohd Iqbal Kader Ghani, 30-an, antara 20 keluarga yang menjadi 'mangsa' banjir berkata, rumahnya dimasuki air paras lutut berikutan air pasang besar sejak beberapa hari lalu.

Katanya, dalam setahun beberapa kali air pasang besar berlaku menyebabkan dia kelam-kabut menyelamatkan barang bagi mengelakkan ia rosak.

"Termasuk hari ini (semalam) sudah tiga hari air pasang masuk ke rumah. Kebetulan saya berada di rumah dan bergegas menyelamatkan perabot dan tilam sebaik menyedari air naik jam 12 tengah hari.

"Air pasang besar yang dijangka berlarutan dua hari lagi dan kami terpaksa hidup lesa," katanya.



ROHANI membersihkan rumahnya akibat banjir kilat.

## WAQAF PENDIDIKAN

Potongan Bank setiap bulan (auto debit)  
serendah 70 sen sehari @ RM20 sebulan tetapi  
GANJARAN berpanjangan & beranak pinak sampai KIAMAT

<b>MENAJA</b> Anak Yatim & Pelajar Susah	<b>WAQAF</b> Pembinaan Kompleks Tahfiz	<b>BELANJA</b> Makan dan Pembelajaran	<b>DANA</b> Kebajikan dan Pengurusan	<b>PROGRAM</b> Pembangunan Syakhsiah
---	---	--	---	---

Adik Salimah bt Tariq  
(Umur 9 tahun)  
Personaliti Thinking Extrovert  
30 Juz dalam masa 7 bulan  
Kaedah STIFin



SS Dato Sheikh Murtadza Sheikh Ahmad  
Mantan Mufti NS / Penaung Tahfiz  
Ustaz Syed Abd Kadir Al-Joofre (Penasihat)  
Ustaz Mohd Khairi Zainuddin (Pengerusi)

Fenomena Tahfiz Kaedah STIFin  
10 orang Hafiz, 7 bulan  
20 orang Hafiz, 9 bulan

untuk waqaf pendidikan;  
sms @ whatsapp 'WP'  
ke 011-10622324

019-9118372 - 013-5280023

<b>BANK ISLAM</b> 05012010079683 Dana Pembangunan Tahfiz Darul Ulum	<b>Maybank Islamic</b> 555126504954 Dana Pembangunan Tahfiz Darul Ulum
<b>BANK SIMPANAN NASIONAL</b> 0510041000328989 Dana Waqaf Pendidikan	<b>CIMB ISLAMIC</b> 8601053963 Sri Darul Ulum

Srii Tahfiz Darul Ulum Kompleks Tahfiz Darul Ulum

Akademi Darul Ulum, Seremban Negeri Sembilan (memiliki 7 caw Tahfiz)  
(1083189-D)

